



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING BIL. 3/2020

18 DISEMBER 2020

**PELAKSANAAN LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN COVID 19:
PERATURAN PERMOHONAN DAN PENGUMPULAN MATA POIN *CONTINUOUS
PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)***

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada penganjur dan ahli-ahli yang menganjurkan atau menyertai program CPD berikutan kekangan yang dihadapi oleh semua pihak dalam tempoh semasa dan pasca pandemik Covid-19.

2.0 LATAR BELAKANG

Sepertimana semua sedia maklum, berikutan situasi penularan wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyarankan orang ramai mengamalkan penjarakan sosial.

Sehubungan dengan perkara di atas, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) telah melaksanakan inisiatif prihatin dengan menetapkan beberapa peraturan baharu berkenaan permohonan mata poin CPD yang dipohon oleh ahli-ahli dan para penganjur.

3.0 PERATURAN BAHARU PERMOHONAN MATA POIN CPD

- 3.1 Permohonan Mata Poin CPD bagi kursus yang dianjurkan secara dalam talian adalah dibenarkan. Penganjur perlu memastikan topik dan kandungan ceramah adalah berkaitan dengan kemahiran teras dan pengetahuan profesion ukur bahan.
- 3.2 Tempoh minimum yang ditetapkan bagi setiap kursus dalam talian adalah dua (2) jam.

- 3.3 Penganjur dibenarkan melaksanakan beberapa siri kursus yang berkaitan bagi memenuhi empat(4) jam bersamaan dengan separuh hari. Tiada sekatan sama ada ianya perlu dilaksanakan oleh seorang penceramah ataupun beberapa orang penceramah. Peserta hendaklah menyertai setiap siri kursus dalam talian tersebut untuk layak mendapat poin CPD.
- 3.4 Peraturan 3.3 juga adalah terpakai bagi permohonan kursus satu (1) hari iaitu tempoh minimum kursus adalah lapan (8) jam yang bersamaan dengan satu (1) hari.
- 3.5 Kursus secara dalam talian yang memenuhi syarat tempoh minimum dua(2) jam akan diberikan satu(1) mata poin CPD dan yuran program adalah sebanyak RM50.00.
- 3.6 Selain daripada kursus yang dilaksanakan secara tempoh minimum dua (2) jam, pemberian mata poin CPD, fi dan peraturan-peraturan lain kursus secara dalam talian adalah sama seperti permohonan mata poin bagi kursus biasa sebelum ini. Mata poin CPD adalah seperti "Category 3" Jadual Mata Poin CPD.

4.0 PENGUATKUASAAN DAN PERLAKSANAAN

Ketetapan ini berkuatkuasa daripada tarikh Surat Pekeliling ini dan terpakai ke atas semua permohonan Mata Poin CPD. Sebarang pindaan dalam tempoh penguatkuasaan ini akan dimaklumkan daripada semasa ke semasa. Surat Pekeliling LJBM Bil. 2/2020 adalah dengan ini dibatalkan.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

- Cik Fadhilah Binti Hasan di talian 03-26107999 atau emailkan kepada fadhilah@bqsm.gov.my

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Benar,


.....
PROF. (ADJUNG) Sr DATO' AZIZ BIN ABDULLAH, CQS

Yang Dipertua

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tarikh : 18/12/2020